

# Mahathir tolak tuduhan Dewan Negara dijadikan alat politik

14 DIS 1977

TIMBALAN Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad menolak tuduhan bahawa Kerajaan menyalahgunakan Dewan Negara sebagai alat politik.

Dewan Negara, katanya berguna kepada negara kerana anggotanya dilantik oleh Dewan-dewan negeri. Yang Dipertuan Agung adalah orang yang berkebolehan, berpengalaman dan berkaliber.

Di samping itu Dewan memberi peluang kepada golongan kecil menyuarakan pendapat mereka kerana mereka tidak mungkin memenangi pilihanraya.

Dengan itu, kata Dato Seri Mahathir Kerajaan tidak bercadang meminda perlembagaan Persekutuan untuk memansuhkan Dewan Negara.

Timbalan Perdana Menteri menjawab soalan lisan Encik Ngan Siong Hin (Kinta) yang ingin tahu sama ada Kerajaan akan memansuhkan Dewan Negara kerana ia disalahgunakan sebagai alat naungan politik.

"Dewan boleh dimansuhkan jika parti wakil tersebut - Dap mendapat majoriti dan menguasai negeri-negeri dan juga Parlimen," kata Dr Mahathir.

Menjawab satu pertanyaan lain dari Dr. Chen Man Hin (Seremban) Dato Sri Dr. Mahathir berkata, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah "think

## KUALA LUMPUR, Selasa

Bank institute" yang mempunyai tenaga pemikir-pemikir bebas untuk menimbangkan masalah-masalah negara.

Ini adalah kerana telah ada Kementerian dan jabatan yang tertentu dengan jentera yang lengkap bagi mengkaji masalah yang dibangkitkan dan pakar-pakar yang cukup bagi menimbangkan masalah-masalah negara seperti masalah perpaduan negara, kemiskinan, pelajaran dan sebagainya.

Tambahan pula, katanya, Kerajaan sedia mempunyai peraturan dan cara-cara untuk membolehkan pegawai-pegawai kerajaan dan pakar-pakar dari universiti-universiti tempatan serta orang-orang perseorangan yang mempunyai kemahiran profesyenal dalam bidang-bidang tertentu, bertukar-tukar fikiran dan pendapat berhubung dengan sesuatu masalah tertentu yang perlu dikaji.

Harus diingat bahawa Kerajaan-kerajaan negara lain mengadakan "think tank" yang bebas tidak committed dan terlalu akademik.

Bagaimanapun kerajaan sedia menerima cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan dari sesiapa sahaja mengenai sesuatu masalah negara dan pandangan-pandangan tersebut bolehlah disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan, jelas beliau.